

Hak pekerja tidak disekat

ULM 13 OCT 1993

KEMAMAN 12 Okt.
— Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad

menyeru para pekerja mengikis tanggapan bahawa kerajaan menyekat hak pekerja apabila meminta mereka jangan mengambil tindakan perusahaan dalam menyelesaikan masalah dengan majikan.

Perdana Menteri menegaskan, nasihat kerajaan itu bukanlah bertujuan menyekat hak pekerja sebaliknya untuk menjaga kepentingan mereka sendiri.

"Pandangan sedemikian ditanam oleh negara-negara Eropah ke dalam hati pemimpin pekerja di negara ini supaya para pekerja mengambil tindakan perusahaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Loji Pengurangan Langsung (DR) Perwaja di sini, hari ini.

Kata Dr. Mahathir, de-

ngan cara itu, mereka akan berjaya merosakkan perindustrian di negara ini.

"Apabila ini berlaku, ia dengan sendirinya akan mengurangkan persaingan dengan mereka.

"Oleh itu kita jangan mengikut desakan mereka supaya bertindak sedemikian kerana ini bertujuan menjadikan kita tidak kompetitif," tegas Perdana Menteri.

Menurut Perdana Menteri lagi, jika ada masalah antara majikan dan pekerja, mereka perlu menyelesaikannya sama ada dengan rundingan atau menggunakan pihak ketiga (hakim) dan bukannya dengan cara merosakkan industri.

"Inilah yang berlaku di Eropah, kerana takutkan pekerja rosakkan industri, mereka layan segala tuntutan pekerja," katanya lagi.

Beliau berkata, di Eropah hari ini, gaji yang

dibayar terlalu tinggi sehingga para pekerja mereka tidak kompetitif lagi.

"Bila mereka tidak kompetitif, mereka nak paksa kita menaikkan gaji pekerja pula sehingga kita tidak boleh menyaingi mereka lagi," ujar Dr. Mahathir.

Katanya, Eropah mahukan para pekerja di negara ini berfikir bahawa merosakkan industri adalah hak pekerja.

"Kita tidak ada teknologi dan modal yang banyak. Apa yang kita ada hanyalah kuasa buruh yang rendah.

"Jika kuasa buruh juga kita tidak ada, kita tidak boleh menyaingi mereka dan inilah yang disukai oleh negara-negara Eropah," kata Perdana Menteri.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, tradisi mengambil tindakan perusahaan adalah tradisi primitif dan patut ditukar dengan

cara yang lebih bertamadun.

Menurutnya, walaupun negara-negara Eropah memiliki modal atau pasaran yang besar tetapi mereka tidak boleh bersaing dengan Malaysia kerana kos mereka terlalu tinggi.

Katanya, gaji yang tinggi adalah baik untuk pekerja tetapi akhirnya apa yang berlaku di Eropah ialah ramai pekerjanya menganggur.

"Mereka tidak mahu turunkan kos dan mengemukakan gaji yang terlalu tinggi yang tidak mampu dibayar menyebabkan ekonomi mereka merosot," ujarnya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa para pekerja di negara ini mendapat gaji yang tinggi bukan kerana mogok atau tuntutan tetapi kerana ekonomi yang berkembang pesat.